

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH JAWAPAN : 15 JUN 2015 (ISNIN)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN :

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan projek-projek dan perjanjian usahasama dalam Teknologi Hijau yang berjaya dilaksanakan selepas Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eco (IGEM 2014) dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. *The International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM)* merupakan acara *flagship* tahunan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sejak tahun 2010. Penganjuran IGEM adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dan potensi perniagaan dalam industri berasaskan teknologi hijau serta memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan aplikasi teknologi hijau.

2. IGEM2014 yang bertemakan "*Creating Green Wealth*" telah diadakan dari 16 hingga 19 Oktober 2014 di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*. Jumlah keseluruhan transaksi dan pewujudan peluang perniagaan yang telah direkodkan melalui pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) dan sesi padanan perniagaan semasa IGEM2014 mencecah RM1.891 bilion. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 2 projek telah berjaya dimuktamadkan setakat ini iaitu:

- i) projek usahasama bernilai RM120 juta oleh Amdac (M) Sdn. Bhd. dengan Panorama Melaka Sdn. Bhd. bagi sewaan sebanyak 40 buah bas elektrik; dan
- ii) projek mini-hidro bernilai RM220.5 juta di Kuala Kangsar dan Lenggong, Perak yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2016.

3. Manakala, baki projek yang bernilai RM1.441 bilion masih dalam fasa perancangan dan pelaksanaan termasuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) dan sedang memohon kelulusan insentif yang ditawarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Selain itu, terdapat 2 projek dengan nilai RM110 juta telah ditangguhkan pelaksanaannya disebabkan kekangan kewangan dan senario pasaran yang kurang memberangsangkan.

4. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air amat komited dalam membangunkan industri berasaskan teknologi hijau serta mewujudkan lebih banyak peluang dan potensi perniagaan hijau. Sehubungan ini, pihak Kementerian dan MGTC akan menganjurkan IGEM 2015 dari 9 hingga 12 September 2015 dengan tema "*Powering the Green Economy*". Kementerian dengan kerjasama MIDA dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan

meneruskan usaha membantu pihak industri dan perniagaan bagi memastikan transaksi perniagaan dan perjanjian usahasama yang ditandatangani semasa IGEM dapat direalisasikan.
